

BAB II

BIOGRAFI AL-IMĀM AL-RĀFI‘Ī DAN AL-IMĀM AL-NAWAWĪ

2.0 PENGENALAN

Kajian ini tidak akan lengkap tanpa disertakan biografi tokoh-tokoh yang dikaji. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran dekat tentang kehidupan tokoh-tokoh tersebut, terutamanya lapangan akademik yang mewarnai kehidupan mereka. Ini termasuklah latarbelakang pengajian, guru-guru dan karya-karya yang telah dihasilkan. Oleh itu, dalam bab ini penulis akan membahagikannya kepada dua bahagian. Pertama, untuk menerangkan biografi al-Imām al-Rāfi‘ī dan kedua, biografi al-Imām al-Nawawī. Data-data ini amat penting khususnya untuk mengetahui keahlian dan kepakaran kedua-dua tokoh yang sedang dikaji dan bagaimana kedudukan tersebut telah melayakkan mereka menjadi tokoh yang disegani.

2.1 BIOGRAFI AL-IMĀM AL-RĀFI‘Ī

2.1.1 Nasab, Kelahiran dan Kewafatan

Beliau adalah ‘Abd al-Karīm Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Karīm Ibn al-Faḍl Ibn al-Ḥusain Ibn al-Ḥasan Imām al-Dīn Abū al-Qāsim al-Rāfi‘ī al-Qazwīnī.¹ Seorang tokoh mazhab yang sangat masyhur, dirujuk oleh sebahagian besar pengikut mazhab Shī‘ah fi‘ī pada zamannya di kebanyakan daerah dan negeri.² Dilahirkan pada tahun 555H juga di *Qazwīn*.³ Nama *Qazwīn* berasal dari bahasa Parsi yang disebut sebagai *Kashwīn* (қашвін) lalu diarabkan kalimah tersebut kepada *Qazwīn*.⁴ Hari ini *Qazwīn* adalah ibu

negeri bagi negeri *Qazwīn* yang terletak lebih kurang 130 kilometer dari barat Tehran,

¹ Al-Hifiz Ibn Kathīr al-Dimashqī (T.T), *Tabaqat al-Fuqahā’ al-Shī‘iyah*, Anwār al-Buzāz (edi), j. 2, al-Manṣurah: Dār al-Wafā’, h. 281.

² Abū Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad Taqī al-Dīn Ibn Qādī Shahbah al-Dimashqī (1987), *Tabaqat al-Shī‘iyah*, al-Hifiz ‘Abd al-‘Alīm Khān (edi), j. 1, Bayrūt: ‘Aalām al-Kutub, h. 77.

³ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (1990), *Sair ‘Aalām al-Nubalā’*, j. 22, cet. 7, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 252.

⁴ ‘Abd al-Karīm Ibn Muḥammad al-Rāfi‘ī al-Qazwīnī (1987), *al-Tadwīn Fī Akhbār Qazwīn*, al-Shaykh ‘Azīz Allāh al-‘Atīridī (edi), j. 1, Bayrūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 37.

Republik Islam Iran. *Qazwīn* pernah menjadi ibu negara empayar Parsi suatu ketika dahulu dan dalam lipatan sejarahnya *Qazwīn* telah melahirkan tidak kurang dari 2000 pakar senibina.⁵

Kata al-Im m al-R fi‘ī sandaran kepada al-R fi‘ī adalah merujuk kepada al-R fi‘īyyah iaitu orang-orang Arab yang tinggal menetap di *Qazwīn* sewaktu zaman T bi‘īn atau T bi‘īn.⁶ Beliau juga turut menyatakan bahawa nasabnya dikaitkan dengan Abī R fi‘ī hamba kepada Rasulullah *salla all hu ‘alaihi wa sallam*.

Pendapat lain ada menyatakan bahawa sandaran kepada al-al-R fi‘ī adalah merujuk kepada moyang beliau sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Asnawī dari Mużaffar al-Dīn seorang hakim *Qazwīn* yang mempunyai manuskrip tulisan tangan al-Im m al-R fi‘ī dalam kitab *al-Tadwīn Fī Taw rīkh Qazwīn* yang merujuk nasabnya kepada R fi‘ī bin Khudaij al-Anṣārī *raḍya All hu ‘anhu*.⁷

Ada juga yang menyandarkan al-R fi‘ī kepada R fi‘ī n sebuah negeri di daerah *Qazwīn*.⁸ Al-Asnawī turut merakamkan kenyataan Qādi al-Quḍāh Jalīl al-Dīn al-Qazwīnī yang berkata: “R fi‘ī n dalam bahasa asing seperti *al-R fi‘ī* dalam bahasa Arab. Huruf alif dan *nūn* diakhir nama bahasa asing seumpama huruf yang mengakhiri nama Arab. Oleh itu, R fi‘ī n dinisbahkan kepada R fi‘ī”. Beliau selanjutnya berkata: “Tiada di wilayah *Qazwīn* negeri yang disebut sebagai R fi‘ī n atau R fi‘ī. Apa yang

⁵ Wikipedia, <http://ar.wikipedia.org/wiki/قزوین>, 23 Disember 2008.

⁶ *Op.cit.*, h. 330.

⁷ ‘Abd al-Rahīm al-Asnawī (1987), *Tabaqāt al-Shāfi‘īyyah*, j 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 281.

⁸ Al-Dhahabī (1990), *op.cit.*, h. 252.

sebenarnya, al-R fi‘i disandarkan kepada datuknya yang bernama R fi’’.⁹ Pandangan ini turut dipersetujui oleh al-Im m Ibn Ḥajar al-Haitamī.¹⁰

Al-Im m al-R fi‘i digelar dengan panggilan Ab al-Q sim. Walaupun ada larangan terhadap penggunaan gelaran tersebut melalui sepotong hadis yang berbunyi:

تَسْمُوا بِاسْمِي وَلَا تَكْتُبُو بِكُنْيَتِي

Maksudnya: *Gunakanlah nama ku dan janganlah kamu menggunakan gelaranku.*¹¹

Menurut al-Im m Ibn Ḥajar al-Haitamī hadis ini melarang penggunaan gelaran tersebut semasa hidup Baginda *salla all h ‘alaihi wa sallam* dan al-Im m al-R fi‘i pula menyatakan larangannya hanyalah untuk mereka yang bernama Muḥammad sahaja.¹²

Al-Im m al-R fi‘i meninggal dunia sebagaimana yang disebut oleh al-Im m al-Nawawī pada penghujung tahun 623H dan dikebumikan di *Qazwīn*.¹³ Ibn Khallik n merekodkan kewafatannya pada bulan Zulkaedah ditahun yang sama.¹⁴

2.1.2 Pendidikan Dan Guru-Guru

Al-Im m al-R fi‘i dilahirkan dalam sebuah keluarga ulama. Bapa beliau adalah seorang ulama besar di negeri *Qazwīn* iaitu Muḥammad Ibn ‘Abd al-Karīm Ibn al-Fadl Ibn al-Ḥusain Ibn al-Ḥasan Im m al-Dīn Ab al-Q sim al-R fi‘i al-Qazwīni.¹⁵ Bapa beliau merupakan seorang faqih, pendebat yang fasih, seorang mufti yang tepat dalam

⁹ Abd al-Rahim al-Asnawi (1987), *op.cit.*, h. 281.

¹⁰ Shih b al-Dīn Ibn Ḥajar al-Haitamī (2001), *Tuhfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minh* j. 1, Bayr t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 18.

¹¹ Ab ‘Abdill h Muḥammad bin Ism ‘il al-Bukh rī (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukh rī*, al-Riyāḍ: Bait al-Afk r al-Dauliyyah Li al-Nashr Wa al-Tauzi’, Kit b al-‘Ilm, B b Ithm Man Kadhaba ‘Al al-Nabī, no: 110.

¹² *Op.Cit.*

¹³ Ab Zakariy Muḥyi al-Dīn Yahy bin Sharaf al-Nawawī (t.t), *Tahzīb al-Asma’ Wa al-Lughat*, j. 2, Bayr t: D r al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 264-265.

¹⁴ Al-Dhahabi (1990), *op.cit.*, h. 254.

¹⁵ Al-R fi‘i (1987), *op.cit.*, h. 328.

memberi fatwa di samping mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan ‘ul m al-Quran dan ‘ulūm al-ḥadīth yang tidak perlu dipertikaikan.¹⁶

Semenjak kecil lagi al-Imām al-Rifā‘ī telah berjinak-jinak dengan ilmu pengetahuan dengan berguru melalui bapanya pada 569H ketika berusia 14 tahun.¹⁷ Persediaan untuk menuntut ilmu ini sudah ditanam seawal usia kanak-kanak lagi. Ini dapat diperhatikan melalui apa yang disebut oleh al-Imām al-Rifā‘ī sendiri tentang keprihatinan bapanya dengan katanya: “Beliau (bapa al-Rifā‘ī) sangat menyayangi anak-anaknya dan prihatin terhadap hal ehwal mereka. Sangat tegas dalam mendisiplin dan mendidik mereka. Di antara sebesar-besarnya kebaikan beliau terhadap diriku adalah sikap berhati-hatinya dalam urusan pendidikan ku dari aspek makanan dan pakaian.”¹⁸ Bahkan bapa beliau sangat teliti dalam soal nafkah yang diberikan kepada anak-anaknya di mana beliau tidak memberi makanan dan pakaian kepada al-Rifā‘ī dan anak-anak yang lain kecuali dari sesuatu yang baik.¹⁹

Ini menunjukkan betapa bapa al-Rifā‘ī mengambil berat terhadap penyediaan suasana yang mampu merangsang anak-anaknya untuk mengikuti jejak langkahnya sebagai pewaris ilmu dan meneruskan legasi bapanya selaku ulama *Qazwīnī*. Bukan al-Rifā‘ī sahaja yang mewarisi keilmuan bapanya bahkan seorang lagi saudaranya Abū al-Faḍail juga lahir sebagai seorang yang faqih dan pakar hadis.²⁰

Selain dari bapanya sendiri yang menjadi guru beliau, al-Imām al-Rifā‘ī juga telah berguru dengan beberapa orang guru hebat yang lain seperti Abū al-Fatīḥ bin al-

¹⁶ *Ibid.*, h. 334-335.

¹⁷ Al-Dhahabī (1990), *op.cit.*, h. 252.

¹⁸ Al-Rifā‘ī (1987), *op.cit.*, h. 380.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ ‘Abd al-Rahmān Al-Asnawī (1987), *op.cit.*, h. 282.

Baṭī, Ab Sulaimān al-Zubairī, Ab al-‘Al ’ al-Hamadh ni, al-Im m Ab Sulaimān Aḥmad bin Ḥasnawih dan ‘Abdullāh bin Abī al-Futūḥ.²¹

2.1.3 Karya-Karya

Sebagai seorang ulama yang tersohor al-Im m al-R fi‘ī telah meninggalkan khazanah penulis beliau yang sangat berharga bukan sahaja dalam bidang *fiqh* selaku pelopor kepada pemurnian mazhab pada zamannya bahkan juga bidang-bidang lain seperti tafsir dan *hadis*. Antara karya-karya utama beliau ialah seperti berikut:

1. *Al-‘Azīz Sharh al-Wajīz* atau *al-Sharḥ al-Kabīr* – kitab ini adalah huraian kepada kitab *al-Wajīz* karangan al-Im m al-Ghazīlī. Kata Ibn Ṣalāḥ belum pernah dihurai *al-Wajīz* seperti yang diusahakan oleh al-Im m al-R fi‘ī.²² al-Subkī pula berkata: “Memadailah untuk al-R fi‘ī kemulian dengan *Fatḥ al-‘Azīz* bahkan belum ada lagi karangan seumpamanya dalam sebarang mazhab dan belum ada yang menerangi umat umpama *al-‘Azīz* meneranginya dalam kegelapan yang pekat.”²³ Ianya adalah sebuah kitab penting dalam kelahiran semula mazhab dengan wajah baru diera pemurnian mazhab yang pertama. Al-Im m al-Nawawī sendiri telah memberi pengiktirafan kepada kitab ini sebagai sebuah penulisan komprehensif dalam mazhab yang belum pernah dihasilkan seumpamanya sebelumnya. Kelebihannya adalah kerana ianya telah mengumpulkan hampir keseluruhan pendapat-pendapat mazhab lalu ditarjihkan menepati *uṣūl* mazhab yang telah diasaskan oleh al-Im m al-Sh fi‘ī.²⁴ Ini sekaligus merupakan langkah pertama kearah pemurnian mazhab yang disambung seterusnya oleh al-Im m al-Nawawī.

²¹ Tāj al-Dīn Abī Naṣr ‘Abd al-Wahhāb Ibn Taqī al-Dīn al-Subkī (t.t), *Tabaqāt al-Shafī‘iyah al-Kubrā*, j. 5. T.T.P: T.P., h. 120.

²² Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, h. 264.

²³ *Op.cit.*, j. 5, h. 119.

²⁴ Ab Zākariyā Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (2005), *Rauḍah al-Tibbān*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 47.

2. *Al-Sharḥ al-Saghīr* – Kitab ini juga adalah huraian kepada kitab *al-Wajīz* karya al-Imām al-Ghazālī akan tetapi huraiannya lebih ringkas berbanding kitab *Al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*.²⁵
3. *Al-Muḥarrar* – Kitab ini adalah huraian kepada kitab *al-Wajīz* karangan al-Imām al-Ghazālī yang kemudiannya diringkaskan kepada *Minhāj al-Tibb*. Kitab ini menghimpunkan hukum-hakam *fīqh* di samping pendapat-pendapat yang telah ditarjihkan oleh al-Imām al-Rāfi‘ī.²⁶ Ia hanya baru dicetak dari naskhah manuskrip asal. (Sila rujuk lampiran).

Ketiga-tiga kitab ini mewakili usaha al-Imām al-Rāfi‘ī dalam proses pemurnian mazhab Shāfi‘ī sepanjang usia kehidupan beliau.²⁷

4. *Al-Tadwīn Fī Tārīkh al-Qazwīn* – Kitab ini pula mirip kepada penulisan sejarah yang menceritakan tentang *Qazwīn* sebagai sebuah negeri yang melahirkan ramai ulama. Turut merakamkan biografi ulama-ulama yang mengharumkan namanya.
5. *Sharḥ al-Musnad Li al-Shāfi‘ī* – Sebuah kitab yang mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Shāfi‘ī yang diuraikan oleh al-Imām al-Rāfi‘ī.²⁸

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Akram Yūsuf ‘Umar al-Qawāsimī (2003), *al-Madkhal Ilā al-Madhab al-Shāfi‘ī*, Jordan: Dār al-Nafā’is, h. 377.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ ‘Abd al-Karīm Ibn Muḥammad al-Rāfi‘ī al-Qazwīnī (t.t), *Al-‘Azīz Fī Sharḥ al-Wajīz*, al-Shaykh ‘Ali Muḥammad Mu‘awwad (edi), j. *Muqaddimah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 414.

6. *Al-Tadhnīb* – Juga sebuah kitab *fiqh* yang membincangkan masalah-masalah *furiū'* dalam mazhab.

7. *Al-Am lī* – Sebuah kitab yang menghimpunkan hadis-hadis berserta dengan sanad-sanadnya yang beliau nukilkan daripada guru-guru beliau tentang surah *al-Fātiḥah* yang disertakan juga komentar beliau sendiri.²⁹

8. *Al-Īj z Fī Akhṭ r al-Hij z* – Merupakan satu risalah ringkas berkisar tentang faedah-faedah yang diperolehi al-Im m al-R fi‘ī semasa dalam perjalanan ketika menunaikan haji. Menurut T sh Kubr Z dah ada kesilapan ketika menyalin judul buku tersebut oleh penyalinnya. Judulnya yang sebenar adalah *al-Khaṭar t* atau *Khaw ḥir al-Hijaz*.³⁰

2.1.4 Sanjungan Para Ulama

Al-Im m al-R fi‘ī sememangnya merupakan seorang tokoh besar dalam mazhab *Sh fī‘ī* kerana sumbangannya yang amat bermakna kepada mazhab melalui pentarjīḥan yang diusahakan oleh beliau.

Kata al-Im m al-Nawawī: “Beliau seorang imam yang pakar lagi luas pengetahuan dalam mazhab dan banyak ilmu-ilmu lain.”³¹

Ibn Ṣal h pula menyatakan seperti berikut: “Rasanya aku belum pernah melihat di negeri ‘ajam (bukan tanah Arab) seseorang yang sepertinya. Beliau mempunyai

²⁹ Ahmad Muṣṭafā T sh Kubr Z dah (1985), *Miftāḥ al-Sa‘ādah Wa Miṣbāḥ al-Siyādah*, j. 1, Bayr t: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 101.

³⁰ *Ibid.*

³¹ al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, h. 264.

pelbagai ilmu, peribadi yang terpuji dan telah meninggalkan sumbangan yang berharga.³²

Kata al-Imām al-Dhahabī: “Beliau adalah tuan guru kepada para *al-Shāfi‘iyah*, ulama bagi orang bukan Arab dan Arab serta penghulu kepada agama.”³³

Al-Subkī mensifatkan al-Imām al-Rāfi‘ī seperti berikut: “Tiada seorang yang menulis sepertinya dalam mana-mana mazhab dan tidak menerangi ummah seperti mana beliau meneranginya dalam kegelapan. Beliau seorang yang gigih dalam ilmu-ilmu syariah samada tafsir, *ḥadīth* dan *uṣūl*. Seorang yang menonjol pada zamannya dalam menukilkan ilmu, kajian, memberi panduan dan juga penulisan. Dalam bidang *fiqh*, beliau adalah tiang bagi mereka yang mencari kepastian dan sandaran para pengarang, seolah-olah *fiqh* itu mati lantas beliau telah menghidupkan, menyebarkan dan menegakkan tiangnya setelah dibunuh dan dikuburkan oleh kejahilan.”³⁴

Ibn Kathīr ketika merakamkan ketokohan al-Imām al-Rāfi‘ī berkata: “Beliau adalah gedung ilmu para imam mazhab Shāfi‘ī yang menonjol bagi mereka yang meneliti. Beliau dirujuk oleh keseluruhan ahli *fiqh* dikalangan pengikut kami pada zaman ini di kebanyakan daerah dan negeri.”³⁵

³² *Ibid.*

³³ Al-Dhahabī (1990), *op.cit.*, h. 252.

³⁴ Al-Subki (t.t), *op.cit.*, h. 119-120.

³⁵ Al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr al-Dimashqī (t.t), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyah*, j. 2, al-Mansurah: Dār al-Wafa, h. 281.

2.2 BIOGRAFI AL-IMĀM AL-NAWAWĪ

2.2.1 Nasab

Beliau adalah Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yaḥyā Ibn Sharaf Ibn Murrī atau Mir Ibn Ḥasan Ibn Ḥusain Ibn Muḥammad Ibn Jum’ah Ibn Ḥizm al-Ḥizmī. Dinisbahkan kepada al-Ḥizmī iaitu datuk beliau yang ke enam yang dikaitkan dengan sahabat Rasulullah *salla Allahu ‘alaihi wa sallam* bernama Ḥizm Ibn Ḥakīm *raḍī Allahu ‘anh*.³⁶ Walau bagaimanapun pendapat tersebut tidak benar sebagaimana yang diakui sendiri oleh al-Imām al-Nawawī.³⁷

Beliau digelar sebagai *Muhyī al-Dīn* semasa hayatnya dan gelaran ini sering mendahului namanya walaupun beliau tidak gemar digelar sedemikian di atas sifat tawaduk yang dimiliki. Sememangnya amat layak gelaran tersebut untuknya diatas sumbangannya dalam menghidupkan sunnah, mematikan *bid’ah*, menegakkan perkara makruf, mencegah perkara mungkar dan hasil karya-karya beliau yang terus dimanfaatkan oleh umat Islam.³⁸

Ḥakīm adalah datuk beliau yang singgah di al-Jīl berdekatan Nawāwī seperti kebiasaan orang-orang Arab pada waktu itu. Lalu beliau terus menetap di sana dan dikurniakan zuriat yang ramai.³⁹

Timbul persoalan di sini apabila dirujuk kepada nama panggilan al-Imām al-Nawawī kepada Abū Zakariyā. Umum mengetahui bahawa al-Imām al-Nawawī tidak pernah berkahwin semasa hayatnya dan panggilan Abū Zakariyā itu menggambarkan

³⁶ ‘Alī al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī Ibn Ibrāhīm Ibn Dūd Ibn al-‘Atṭār (1991), *Tuhfah al-Tibb Fī Turjumah al-Imām m al-Nawawī*, al-Iskandariyah: Muassasah Shabab al-Jīl miāh, h. 22.

³⁷ Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad al-Sakhāwī (t.t), *al-Minhāl al-Adhbū al-Rawī Fī Turjumah Quṭub al-Awliyā’ al-Nawawī*, T.T.P: T.P, h. 4.

³⁸ Aḥmad ‘Abd al-‘Azīz Qāsim al-Haddād (1992), *al-Imām al-Nawawī Wa Atharuh Fī al-Ḥadīth Wa ‘Ulūmih*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Bashāir al-Islamiyyah, h. 18-19.

³⁹ Ibn al-‘Atṭār (1991), *op.cit*, h. 22.

beliau adalah bapa kepada anaknya Zakariy . Sebenarnya panggilan ini adalah merujuk kepada Nabi Allah Zakariy dan Yaḥy . Ini kerana kebiasaan orang-orang Arab yang merujuk kepada panggilan seumpama ini sekiranya seseorang itu dinamai dengan Yaḥy . Sama seperti mereka yang bernama Y suf dipanggil Ab Ya’q b, Ibr h̄im dengan panggilan Abū Ish̄ q dan ‘Umar dengan Ab Hafṣ. Walaubagaimanapun nama panggilan ini bertentangan dengan hukum *qiyyas* yang sepatutnya. Ini kerana Nabi Yaḥy , Ibr h̄im dan Ya’q b adalah bapa bukannya anak. Dalam kes al-Imām al-Nawawī berlaku sebaliknya, tetapi dibolehkan kerana inilah gaya bahasa Arab yang sering didengari.⁴⁰

Sandaran beliau kepada al-Nawawī pula dirujuk kepada Naw . Boleh ditulis dengan al-Nawawī (النَّوَّاِي) atau al-Naw wi (النَّوَّاوِي) mengikut kebiasaan.⁴¹ Naw adalah ibu negeri kepada *al-Jawlān* sekarang, juga merupakan sebahagian daripada rājūn, satu daerah di dalam wilayah *Dimashq*.⁴² Naw (نوا) adalah lafaz *jama'* dari kalimah *nuw h* (نواة) yang bermaksud biji tamar.⁴³ Nama ini diberi kerana bentuk muka bumi Nawā yang seperti biji tamar.⁴⁴ Di sinilah tempat tinggal Nabi Ayy b ‘alaihi al-salāt m dan disini juga terdapat kubur Sām bin Nāħi ‘alaihi al-salāt m sebagaimana yang didakwa oleh penduduknya.⁴⁵ Adalah menjadi kebiasaan seseorang itu dirujuk ke negeri tertentu untuk tujuan dikenali tetapi dalam kes al-Imām al-Nawawī jadi sebaliknya kerana Naw itu dikenali setelah disandarkan al-Imām al-Nawawī kepadanya.⁴⁶ Digelar dengan

⁴⁰ *Op.cit.*, h. 18.

⁴¹ Al-Sakhawī (t.t), *op.cit.*, h. 4.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Shih b al-Dīn Abī ‘Abdillah Yaqīt bin ‘Abdillah al-Hamawī al-Rāmī al-Baghdādī (1957), *Mu’jam al-Buldān*, j. 5, Bayrūt: Dar al-Sādir, h. 306.

⁴⁴ Wikipedia, <http://ar.wikipedia.org/wiki/>, 23 Disember 2008.

⁴⁵ *Op.cit.*

⁴⁶ ‘Abd al-Ghanī al-Daqr (1994), *al-Imām al-Nawawī*, cet. 4, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 19.

panggilan al-Nawawi kerana beliau telah menetap di *Naw* lebih kurang dua puluh lapan tahun. Menurut al-Sakhawi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh ‘Abdullāh Ibn al-Mubarak bahawa sesiapa yang menetap selama empat tahun di suatu tempat, maka dia dinisbahkan kepada tempat tersebut.⁴⁷

Pada hari ini *Naw* adalah sebuah daerah pertanian yang subur dengan tanaman pohon zaitun dan anggur, selain gandum dan barli. Ia terletak di bahagian barat dataran tengah *Harr* dalam wilayah *Dar‘*. Jarak *Naw* dengan Damsyik adalah sekitar 85 kilometer.⁴⁸

2.2.2 Kelahiran

Tidak dinyatakan secara tepat tarikh kelahiran al-Imam al-Nawawi walau bagaimanapun sumber yang boleh dipercayai sebagaimana yang disebut oleh al-Sakhawi menyatakan beliau dilahirkan diantara sepuluh hari di pertengahan bulan *Muḥarram* tahun 630H.⁴⁹ Menurut beberapa orang yang sangat soleh, al-Imam al-Nawawi dilahirkan dan ditulis bersama mereka yang benar (*al-s̄ diq̄īm*).⁵⁰

Bapa kepada al-Imam al-Nawawi pernah memberitahu Ibn al-‘Aṭṭār bahawa pada suatu hari di malam dua puluh tujuh Ramadhan al-Imam al-Nawawi yang ketika itu berusia tujuh tahun sedang tidur bersamanya. Ketika separuh malam, beliau bangun dan mengejutkan bapanya lalu berkata: “Wahai bapaku, cahaya apakah ini yang memenuhi segenap rumah?” Dia mengejutkan semua ahli keluarganya, tetapi kami

⁴⁷ Al-Sakhawi (t.t), h. 4.

⁴⁸ Wikipedia, <http://ar.wikipedia.org/wiki/>, 23 Disember 2008.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Al-Suyūtī.

semua tidak melihat apa-apa pun. Bapanya berkata: “Lantas aku menyedari bahawa malam itu adalah malam *al-Qadr* (*Lailah al-Qadr*).⁵¹

2.2.3 Kewafatan

Al-Imām al-Nawawī menghembuskan nafasnya yang terakhir setelah jatuh sakit di sisi bapanya pada malam Rabu di waktu sepertiga akhir malam, tanggal 24 Rejab tahun 676H di Nawā dan dikebumikan pada pagi hari tersebut juga.⁵² Berita kematian beliau turut diiringi dengan solat ghaib di Dimashq pada hari Jumaat. Kematian beliau adalah sejurus selepas beliau pulang dari menziarahi al-Quds (Palestin) dan makam Nabi Ibrāhīm ‘alaihi al-salāt m.⁵³

2.2.4 Latarbelakang pengajian

Semenjak kecil lagi al-Imām al-Nawawī telah memperlihatkan karektor peribadi yang berbeza dengan mereka yang seusia dengannya. Perkara ini telah disebut oleh al-Shaykh Yūsuf ibn Yūsuf al-Marākishi. Beliau berkata: “Aku telah melihat al-Shaykh Muhyī al-Dīn ketika usianya sepuluh tahun di Nawā. Kanak-kanak ketika itu memaksanya untuk bermain bersama mereka, beliau pula mlarikan diri dan menangis kerana paksaan tersebut. Dalam keadaan begitu, al-Imām al-Nawawī membaca al-Quran. Ketika itulah timbulnya rasa sayang aku kepadanya.”⁵⁴ Menurut al-Shaykh Yūsuf lagi: “Bapanya telah menugaskannya di kedai, tetapi urusan jual-beli di kedai tidak berjaya memesongkannya daripada al-Quran.” Setelah peristiwa tersebut al-Shaykh Yūsuf telah pergi bertemu dengan guru al-Quran al-Imām al-Nawawī lalu berpesan kepadanya: “Budak ini ada harapan untuk menjadi seorang yang paling berilmu dan zuhud pada zamannya kelak.” Guru al-Quran tadi berkata: “Apakah kamu ini seorang tukang tilik?”

⁵¹ Al-Sakhawī (t.t), op. cit., h. 4.

⁵² Ibn al-Attār (1991), h. 23.

⁵³ Ibn Kathir al-Dimashqī (t.t), h. 349.

⁵⁴ Ibn al-Attār (1991), op.cit., h.24.

Beliau menjawab: “Tidak, sesungguhnya lidahku ini telah digerakkan oleh Allah untuk bercakap begitu.” Perkara tersebut telah dimaklumkan oleh guru tersebut kepada bapa al-Imām al-Nawawī. Lalu bapanya yang mula memberi perhatian kepada al-Imām al-Nawawī sehingga anaknya tamat menghafal al-Quran kita usia hampir baligh.⁵⁵

Ketika usia al-Imām al-Nawawī mencecah sembilan belas tahun, iaitu kira-kira pada tahun 649H bapa beliau telah membawanya ke Damsyik. Di sana beliau tinggal di Sekolah al-Rawḥīyyah tekun menuntut ilmu. Kata al-Imām al-Nawawī: “Selama dua tahun aku tidak pernah meletakkan badanku di atas tanah dan makanan ku hanyalah dari catuan yang disediakan oleh pihak sekolah tanpa ada bekalan lain”.⁵⁶

Sekolah al-Rawḥīyyah terletak disebelah timur Masjid Ibn ‘Urwah yang bersambung dengan Masjid al-Umawī. Ianya dibina oleh seorang saudagar kaya bernama Zaki al-Dīn Abū al-Qāsim yang lebih dikenali sebagai Ibn ‘Urwah yang turut mewakafkan sekolah tersebut khusus untuk golongan *Shāfi‘iyah*.⁵⁷

Ketekunan dan kecerdikan al-Imām al-Nawawī terserlah apabila beliau telah menghafal kitab *Tanbīh* dalam masa hanya empat bulan setengah dan menghafal bahagian ibadat daripada kitab *al-Muhadhdhab* dalam masa tujuh bulan setengah untuk menggenapkan setahun. Kedua-dua kitab tersebut adalah dikarang oleh Abū Ishāq al-Shīrāzī (476 H) seorang ulama besar mazhab Shāfi‘ī.⁵⁸

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*, h. 24-25.

⁵⁷ ‘Abd al-Qādir ibn Muhammād al-Nā’īmī al-Dimasyqī (1988), *al-Dāris Fī Tārīkh al-Madrasah*, j. 1, T.T.P: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah. h. 265-266.

⁵⁸ *Op.cit.*, h. 25.

Beliau mempunyai dua belas pengajian dalam sehari, samada dalam bentuk huraian (حُرْيَة) atau pembetulan (تَبَطُّل). Beliau mempunyai dua sesi pengajian dalam kitab *al-Wasiṭ* karya al-Imām al-Ghazālī dan masing-masing satu sesi untuk kitab *al-Muhadhdhab*, kitab *al-Jamu' Bayn al-Šaḥīḥain* atau *Šaḥīḥ Muslim*, *al-Lamḥ* karya Ibn Jinnī dalam bab tatabahasa Arab (*al-naḥwu*), *Iṣl h al-Mantiq* karya Ibn al-Sakīt dalam bidang bahasa Arab, ilmu *taṣrīf*, *asma' al-rijl* dan *uṣūl al-dīn*.⁵⁹

Setiap pengajian ini beliau sertakan ulasannya sendiri yang merangkumi huraian keatas perkara-perkara yang menimbulkan kemushkilan, memberi penjelasan kepada pernyataan yang kabur dan memperbaiki istilah-istilah bahasa.⁶⁰

Beliau juga pernah menunjukkan minat untuk mempelajari ilmu perubatan. Tetapi mendapati gelap hatinya setelah menelaah ilmu perubatan. Ini menyebabkan al-Imām al-Nawawī menjual semula buku-buku perubatan yang telah dibelinya.⁶¹

2.2.5 Guru-Guru

Al-Imām al-Nawawī telah berguru dengan ramai ulama terkemuka di zamannya di kota Damsyik. Ini kerana kota Damsyik dikala itu merupakan tempat wujudnya sekolah-sekolah pengajian Islam yang terkemuka. Antara guru beliau yang sangat dikaguminya ialah Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Aḥmad al-Maqdisi.⁶² Berikut adalah antara guru-guru yang didampingi oleh al-Imām al-Nawawī dalam pelbagai bidang ilmu.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 27.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *Ibid.*, h. 28.

⁶² *Ibid.*, h. 41.

a) Guru-guru al-Nawawī dalam bidang *fiqh*

Ibn al-‘Aṭṭār telah menukilkan kata-kata al-Imām al-Nawawī bahawa beliau telah mengambil ilmu fiqh secara *taṣḥīḥ*, *simā’*, *sharḥ* dan *ta’līq* daripada sekumpulan guru yang didahului oleh shaykh Abū Ibrāhīm Isḥāq Ibn Aḥmad Ibn Uthmān al-Maghribī. Beliau meninggal dunia di sekolah al-Rawḥīyyah pada bulan Zulkaedah tahun 650H dan dikebumikan di samping Ibn al-Ṣalih. Guru beliau yang lain adalah Kamāl al-Dīn al-Maqdīsī dan Abū al-Ḥasan Sallar bīn al-Irbilī Kamāl al-Dīn.⁶³


Ketiga-tiga guru beliau ini telah berguru dengan Ibn Ṣalih dan ilmu mereka semua sampai sanadnya melalui aliran al-‘Iraqiyyīn hingga kepada al-Muzānī seterusnya kepada al-Imām al-Shāfi‘ī hingga kepada Rasulullah *salla Allahu ‘alaihi wa sallam* melalui para *tābi’īn* dan sahabat.⁶⁴ Mereka juga turut berguru dengan para ulama al-Khurasaniyyīn yang sanadnya juga melalui Ibn Ṣalih hingga sampai kepada ketua aliran al-Khurasaniyyīn iaitu al-Imām al-Qaffālī.⁶⁵ Untuk lebih jelas, carta⁶⁶ berikut boleh memandu untuk mengenali susur galur salasilah perguruan tersebut:

⁶³ *Ibid.*, h. 31.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 32-34.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 34-35.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 30-34.



Rajah 2.1: Susur Galur Sanad Perguruan Fiqh al-Imām al-Nawawī

b) Guru-guru al-Nawawi dalam bidang *uṣūl al-fiqh*

Al-Imām al-Nawawi telah berguru dengan seorang ulama usul yang hebat dan yang paling terkenal pada zamannya iaitu al-Qādī Abū al-Fath ‘Umar bin Bandar. Melalui gurunya ini al-Nawawi telah mempelajari kitab *al-Muntakhab* karya al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan sebahagian dari kitab *al-Mustasf* karangan al-Imām al-Ghazālī, di samping kitab-kitab lain dibawah bimbingan guru-guru yang lain.

c) Guru-guru al-Nawawi dalam ilmu bahasa, tatabahasa dan *al-taṣrīf*

Guru pertama beliau dalam ilmu ini adalah Fakhr al-Dīn bin al-Mālikī dimana melaluinya beliau mempelajari kitab *al-Luma’* karya Ibn Jinnī. Seorang lagi guru beliau adalah al-Shaykh Abū al-‘Abbās Ahmad ibn Salīm al-Miṣrī. Melaluinya beliau mempelajari kitab *Islāḥ al-Manṭiq* karya Ibn al-Sakīt dan sebuah lagi kitab *taṣrīf* lain. Beliau turut berguru dengan al-Shaikh Abī ‘Abdillah Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Mūlik al-Jiyānī dan mempelajari kitab-kitab karya gurunya sendiri di samping membuat beberapa komentar.⁶⁷

d) Guru-guru al-Nawawi dalam bidang *hadis* dan ‘*ulūm hadis*

Antara guru beliau dalam bidang ini adalah Abū Ishaq Ibrāhīm bin Ḥasan al-Murdi al-Andalusi al-Shāfi‘ī. Al-Nawawi telah membuat komentar bagi kitab *sahīḥ Muslim* kepadanya dan mempelajari *sahīḥ al-Bukhārī* dan sejumlah besar dari kitab *al-Jam‘u Bayna al-Sahīħain* karya al-Ḥumaidī seorang ulama bermazhab Zāhirī. Sementara ‘ulūm al-*ḥadīth* karya Ibn Ṣalāh dipelajari dari anak-anak muridnya.⁶⁸

Al-Imām al-Nawawi turut mempelajari kitab-kitab hadis secara mendengarnya dari guru-guru beliau. Beliau telah mendengar kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 36-37.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 37.

Kitab-kitab *sunan* pula adalah *Sunan Abī D wūd*, *al-Tirmizi*, *al-Nas ī*, *Ibn M jah* dan *Sunan al-D ruqutnī*. Manakala kitab-kitab *musnad* pula adalah *Musnad al-Im m al-Sh fi’ī*, *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*, *al-D rimi*⁶⁹ dan *Musnad Ab Ya’l al-M sili*⁷⁰

2.2.6 Ketekunan menuntut ilmu

Menurut anak murid al-Imām al-Nawawī Ibn al-‘Aṭṭ r sebagaimana yang diceritakan sendiri oleh al-Nawawī kepadanya bahawa beliau tidak membuang masa samada pada waktu malam atau siang melainkan sibuk menelaah pelajaran. Ini dilakukan sekalipun beliau dalam perjalanan pergi dan pulang. Keadaan ini berterusan selama lebih kurang enam tahun.⁷⁰

Kemudian beliau sibuk pula mengarang, memberi nasihat kepada orang-orang Islam dan pemimpin-pemimpin mereka. Beliau telah berusaha memperhalusi ilmu *fiqh* dan berijtihad untuk keluar daripada perselisihan para ulama. Beliau seorang yang sangat teliti dan menghalusi ilmu yang dikuasainya dan amat mengambil berat tentang amalan hati. Di samping itu, beliau juga sangat luas pengetahuannya tentang *hadis*, dapat membezakan diantara hadis yang *sahīh* dan *saqīm*, hadis yang *gharīb* lafaznya dan yang *sahīh* ertinya sekaligus membantu beliau untuk mengeluarkan hukum. Beliau seorang yang pakar dalam mazhab Sh fi’ī, mengetahui kaedah-kaedah mazhab, *uṣl* dan *furu’nya*, di samping turut mengetahui mazhab-mazhab sahabat dan *tābi’īn*, perselisihan ulama, kesepakatan dan ijmak mereka.⁷¹

Al-Im m al-Nawawī telah menghabiskan masa beliau dalam pelbagai bidang ilmu dan amal. Sebahagiannya untuk mengarang dan mengajar, solat dan tilawah, serta

⁶⁹ *Ibid.*, h. 38-39.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 42.

⁷¹ *Ibid.*, h. 42-43.

sebagiannya untuk menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari kemungkaran.

Pernah diceritakan bagaimana al-Imām al-Nawawī pada satu ketika di sepertiga malam solat dengan hanya mengulang-ulang ayat:

وَقُفُوهُمْ إِنَّمَا مَسْعُولُونَ

Maksudnya: *Dan tahanlah mereka (di tempat perhentian) kerana sesungguhnya mereka akan ditanya.*

Al-Ṣāfāt: 24

Ayat tersebut dibaca dengan penuh khusyuk hingga mereka yang hadir merasai dan menjiwai ayat tersebut. Bukan itu sahaja, bahkan al-Imām al-Nawawī apabila menyebut orang-orang yang soleh, beliau akan menyebut dengan mengagungkan mereka dengan penuh rasa rendah diri dan penghormatan di samping menyebutkan peribadi dan *kar mah* yang mereka miliki.⁷²

Al-Imām al-Nawawī juga telah mengetuai *Dar al-Hadīth al-Ashrafiyyah* selepas al-Shaykh Shihāb al-Dīn Abī Shāhīdah tahun 650H sehingga meninggal dunia tanpa mengambil sesen pun.

2.2.7 Karya-Karya

Walaupun tidak dikurniakan usia yang panjang iaitu sekitar 45 tahun sahaja, akan tetapi al-Imām al-Nawawī telah meninggalkan khazanah penulisan yang sangat banyak dan amat berharga. Beliau mula menulis pada tahun 660H ketika usianya 30 tahun. Bahasa penulisannya mudah difahami, ideanya jelas, adil dalam memberikan pendapat-pendapat *fuqahā'* dan dalil-dalil yang mapan.⁷³

⁷² *Ibid.*, h. 43.

⁷³ Abdul Rasyid b. Idris (2008), “*Biografi Al-Imām al-Nawawī*” (Kertas Kerja Seminar Tokoh Fiqh Dan Hadis : Imam Nawawi dan Ibn Hajar Al-Asqalani di Balai Islam, Darul Fuqaha, Bangi, 9 Ogos 2008), h. 5.

Karya-karya al-Imām al-Nawawī sehingga ke hari ini masih menjadi rujukan dan bahan kajian di pusat-pusat pengajian tinggi Islam di seluruh dunia. Antara karya-karya berharga beliau dalam bidang *fiqh* secara khusus adalah:

1. *Al-Majm ’u Sharḥ al-Muhadhdhab* – Sebuah kitab yang menghuraikan kitab *al-Muhadhdhab* karya Ab Ḥishāb al-Shīrāzī yang berkaitan dengan *fiqh* mazhab Shāfi’ī. Ianya umpsama sebuah ensiklopedia mazhab yang sangat bermanfaat dan mengandungi beberapa bilangan jilid. Bahkan ianya juga merupakan huraian *al-Muhadhdhab* yang paling penting dan paling popular. Metode yang digunakan oleh al-Nawawī adalah perbandingan pendapat diantara para fuqaha dan perbahasan dalil-dalil yang disandarkan sebagai sumber hukum. Beliau bukan sahaja membawa pendapat-pendapat dalam mazhab Shāfi’ī sahaja bahkan mengemukakan pendapat mazhab-mazhab lain, ijтиhad para sahabat dan *tabi’īn*. Kitab ini adalah antara karya-karya akhir karangan al-Imām al-Nawawī dan beliau telah meninggal dunia sebelum sempat menyiapkannya.⁷⁴
2. *Minhāj al-Tibb* – Kitab ini adalah ringkasan daripada kitab *al-Muḥarrar* karya al-Imām al-Rāfi’ī. Kitab sejilid ini sangat padat dan ringkas menyebabkan ianya telah dihuraikan oleh ulama-ulama mazhab yang terkemudian hingga menjadi antara rujukan utama mazhab.⁷⁵ Bahkan kitab ini adalah antara rujukan paling utama dalam mazhab Shāfi’ī hingga telah dihurai kepada 30 huraian atau syarah.⁷⁶
3. *Rauḍah al-Tibb* – kitab ini adalah ringkasan kepada sebuah lagi karya al-Imām al-Rāfi’ī iaitu *al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*. Kitab ini mengandungi beberapa

⁷⁴ Akram Yūsuf ‘Umar al-Qawāsimī (2003), *op.cit.*, h. 527-528.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 525.

⁷⁶ Shihāb al-Dīn Ibn Ḥajar al-Haitamī (2001), *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, j. 1, Bayrūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 5.

jilid dan telah mendapat perhatian dikalangan ulama-ulama mazhab di mana mereka telah membuat beberapa ulasan dan komentar.⁷⁷

Selain dari kitab-kitab yang *fiqh* di atas, al-Imām al-Nawawī juga telah meninggalkan beberapa karya lain yang sangat bernilai seperti:

4. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* – Judul sebenar kitab ini ialah *al-Minh j Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajj j.* Ianya adalah sebuah kitab hadis yang merupakan huraian terpenting bagi *Ṣaḥīḥ Muslim* dan yang paling popular serta yang paling kerap dirujuk oleh para penuntut dan ulama.
5. *Al-Adhk r* – Ulama ada menyebut (بِعَ الدَّارِ وَاشْتَرَ الْأَذْكَارِ). Maksudnya: “Juallah rumah dan belilah kitab al-Azkar.”⁷⁸ Ungkapan ini sudah cukup memberi gambaran betapa bernilai karya beliau ini kepada umat secara keseluruhan. Ianya sebuah kitab yang menghimpunkan doa-doa dan zikir-zikir amalan mukmin sepanjang kehidupan. Juga adab-adab dalam ibadah-ibadah tertentu seperti adab membaca al-Quran.
6. *Riyād al-Salihin* – sebuah kitab yang menghimpunkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menyentuh tentang adab-adab dan akhlak mukmin, juga galakan untuk menjaga ibadah dan amalan harian. Secara umumnya ianya adalah sebuah kitab yang memandu kearah pembentukan muslim yang menepati erti kata Islam yang sebenar.

⁷⁷ *Ibid.*, h. 526 & 527.

⁷⁸ Kuliah al-Shaykh Muḥammad Mūsā al-Sharīf, *Šarḥ al-Imām al-Nawawī*, Islam Way (طريق الإسلام), <http://www.islamway.com>, 10 Oktober 2008.

7. *Al-Arba'īn al-Nawawiyyah* – Kitab ini menghimpunkan sebanyak 42 *hadis-hadis* pilihan yang merupakan perkara-perkara pokok yang berkaitan dengan ajaran Islam. Menyentuh aspek akidah, ibadah dan akhlak. Telah diuraikan oleh para ulama hingga tidak terkira banyaknya. Antara huraiyan yang terbaik adalah *al-Wfī Fi Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawiyyah* karya Dr. Muṣṭafā Bughā, Muṣṭafā Khin dan Mukhyī al-Dīn Mistā.

8. *Al-Idāh Fi al-Manṣik* – sebuah kitab yang membicarakan tentang ibadat haji dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

9. *Taṣhiḥ al-Tanbīh* - ini pula adalah sebuah kitab *fiqh* yang memberi ulasan kepada karya asal al-Imām al-Shīrāzī yang berjudul *al-Tanbīh*.

2.2.8 Sanjungan Para Ulama

Ramai di kalangan ulama yang terkemudian daripada al-Imām al-Nawawī telah memuji dan memberikan penghargaan yang tinggi terhadap beliau sehingga melayakkan beliau diangkat sebagai tokoh besar dalam mazhab Shīfi'i. Berikut beberapa pandangan yang diberikan terhadap al-Imām al-Nawawī:

Al-Imām al-Dhahabī menyifatkan beliau sebagai seorang *Imām al-Riḍā'i* yang berada dalam kelasnya yang tersendiri, seorang yang boleh diteladani, mahaguru Islam, panji para wali dan empunya karya-karya yang bermanfaat.⁷⁹

⁷⁹ Abū 'Abdillāh Shams al-Dīn al-Dhahabī (T.T), *Tadhkirah al-Huffāz*, j. 2, Bayrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabi, h. 1470.

Al-Asnawī pula menyebut al-Imām al-Nawawī sebagai pemurni mazhab, petunjuk, penyuci dan penyusunnya. Seorang yang popular, tinggi kedudukannya di dunia dan pemilik karya-karya yang masyhur, berkat dan bermanfaat.⁸⁰

Tāsh Kubrā Zadah mengiktiraf al-Imām al-Nawawī sebagai penghulu orang-orang pada zamannya. Seorang yang berilmu, banyak kelebihan, sangat warak, ahli dalam *fiqh* dan hadis dan kukuh hujahnya. Beliau juga menyifatkan al-Imām al-Nawawī sebagai seorang ahli ibadah yang sangat takut kepada Allah, tegas bercakap perkara yang hak, meninggalkan perkara-perkara syahwat, mempunyai keazaman yang tinggi dan banyak berjaga malam di samping teguh di atas ilmu dan amal.⁸¹

Kata *al-Muḥaddith Abū al-‘Abbās bin Faraḥ al-Ishbili* *raḥimahu Allāh*: “Shaykh Muḥyī al-Dīn telah mencapai tiga kedudukan. Setiap kedudukan kalau ada pada seorang sudah memadai untuk dirinya. Pertama, kedudukan ilmu dan tanggungjawab terhadapnya. Kedua, kezuhudan di dunia dalam segenap aspek kehidupan dan ketiga, mengajak kepada perkara makruf dan mencegah daripada perkara yang mungkar.”⁸²

⁸⁰ Al-Asnawī (1987), *op.cit.*, h. 266.

⁸¹ Tāsh Kubra Zadah (1985), *op.cit.*, h. 146.

⁸² Sayyid bin Ḥusain al-‘Afāfi (2003), *Ṣalāḥ al-Ummah Fi’ Ulū al-Himmah*, cet. 2, j. 1, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 491.